

<b>Headline</b>	<b>TH belanja RM1.5j untuk akademik</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>16 May 2016</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>125,514</b>
<b>Page No</b>	<b>12</b>	<b>Readership</b>	<b>947,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>197 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,576</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 10,729</b>



# TH belanja RM1.5j untuk akademik

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) membelanjakan RM1.5 juta setiap tahun untuk melaksanakan program seminar peperiksaan, kem ibadat dan Bahasa Inggeris termasuk menaja BH bagi membantu kecemerlangan akademik ahli Kelab TaHa.

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji (TH), Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, berkata perbelanjaan itu membabitkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha membantu pembangunan komuniti Islam di negara ini me-

lalui bidang pendidikan.

“Katanya, 100 ahli Kelab TaHa yang cemerlang dalam Ujian Pencairan Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun lalu menerima Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa 2015.

“Anugerah kecemerlangan yang menjadi acara tahunan Kelab TaHa sejak 2008 itu adalah tanda penghargaan dan motivasi berterusan kepada ahli kelab kerana mendapat keputusan cemerlang berterusan dalam pendidikan.

“Pemilihan penerima dibuat berdasarkan kecemerlangan akademik, aktif dalam aktiviti koorikulum dan program anjuran Kelab TaHa selain kerap menjadikan

anugerah itu sebagai pembakar semangat untuk berusaha dengan lebih gigih dan meningkatkan potensi diri untuk mencapai prestasi terbaik dalam bidang diceburi,” katanya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohamad Saimi Mat Som dan Pengurus Besar Operasi Pejabat Cawangan TH, Tahar Pilus.

Pelajar UPSR, PT3 dan SPM, masing-masing menerima wang tunai RM200, RM400 dan RM500 berserta piala dan sijil daripada Adi Azuan

pada majlis Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa 2015.

Pada majlis itu, Anugerah Ahli Kelab TaHa Terbaik turut diadakan yang dimenangi oleh pelajar Makktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Mohamad Zul Farhan Mohamed Hasnan.

## Aktif kokurikulum

Mohamad Zul Farhan berkata, walaupun hanya memperoleh 5A dan 4A dalam peperiksaan SPM, tetapi disebabkan pembabitannya dalam aktiviti kokurikulum membolehkan dia memenangi anugerah berkenaan.

“Kelab TaHa prihatin dengan masalah yang dihadapi pelajar dari segi akademik. Saya berterima kasih kepada Kelab TaHa di atas anugerah yang diberikan ini, sekali gus memberi semangat kepada saya untuk terus berusaha mencapai kejayaan,” katanya.

## Pembakar semangat

“Saya harap penerima menjadikan

<b>Headline</b>	<b>TH belanja RM1.5j untuk akademik</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>16 May 2016</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>125,514</b>
<b>Page No</b>	<b>12</b>	<b>Readership</b>	<b>947,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>197 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,576</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 10,729</b>

### Info

#### Kelab TaHa

- **Kelab** ditubuhkan pada 2008
- **1.18 juta ahli** membabitkan murid dan pelajar dari seluruh negara, berusia antara tujuh hingga 17 tahun
- **Anjur 30 siri** Seminar Bimbingan Peperiksaan pada tahun ini
- **TH menaja** 135,000 naskhah akhbar kepada 84 sekolah di seluruh negara pada tahun ini
- **Pelajar yang membuka akaun TH** secara automatik menjadi ahli Kelab TaHa